

29/08/2001

Stanchart, Asli lancar anugerah wartawan perniagaan

STANDARD Chartered Bank (M) Bhd (Stanchart) dengan kerjasama Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) melancarkan 'Anugerah Kewartawanan Perniagaan Standard Chartered-Asli'.

Anugerah tahunan itu diwujudkan untuk memantap dan meningkatkan tahap laporan perniagaan media tempatan dan secara tidak langsung diharap dapat memberi motivasi dan penghormatan kepada wartawan perniagaan negara ini.

Ketua Eksekutif Stanchart, Michael Hague, berkata anugerah itu diberikan untuk mengiktiraf penulisan wartawan dalam melaporkan isu korporat dan perniagaan.

"Kami sudah menubuhkan pasukan kecil yang akan membincangkan hal berkaitan anugerah itu seperti kriteria, panel juri, kategori dan sebagainya," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kedua-dua badan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Presiden Asli, Mirzan Mahathir, berkata Asli berbangga bekerjasama dengan Stanchart untuk satu projek yang dijangka mampu memberi sumbangan untuk menambah kredibiliti wartawan negara ini.

Panel juri akan dipilih daripada sektor awam dan swasta.

(END)